

Jangan parkir di sini!

■ Penduduk resah kenderaan berat tepi jalan di kawasan perumahan



SEBUAH lori yang diparkir di simpang tiga di Taman Indera Sempurna.

HARIAN METRO 15/5/2017

Shahrinnahar Latib
am@hmetro.com.my

Kuantan

Sikap segelintir pemandu lori yang meletakkan kenderaan mereka di kawasan perumahan Indera Sempurna, di sini, meresahkan penduduk kerana dikhuatiri mengundang bahaya terutama terhadap kanak-kanak.

Penduduk mendakwa, sikap tidak bertanggungjawab segelintir pemandu kenderaan berat itu menyebabkan laluan di kawasan berkenaan menjadi sempit hingga membahayakan orang ramai yang melalui jalan terbabit.

Tinjauan Harian Metro ke taman perumahan itu mendapati, pelbagai jenis kenderaan berat diparkir di situ termasuk treler dan lori ta-

nah, malah ada yang diletakkan di simpang jalan.

Penduduk, Sulaiman Ismail, 29, berkata, masalah berkenaan dibimbangi boleh menyebabkan kemalangan di waktu malam kerana kenderaan berat itu menutupi hampir sebahagian jalan.

Katanya, kemalangan boleh berlaku kerana pemandu tidak dapat melihat kenderaan yang datang dari arah bertentangan kerana penglihatan terlindung oleh kenderaan berat yang diparkir di tepi jalan itu.

“Sebelum ini, ada juga penguat kuasa Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) datang untuk memantau masalah itu, tetapi ia tetap berulang sehingga ke hari ini.

“Pemandu berkenaan seperti tidak ‘makan saman’ dan berterusan meletakkan kenderaan mereka di dalam kawasan perumahan ini walaupun dibantah oleh penduduk,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, masalah itu merisaukan penduduk kerana ia juga membahayakan kanak-kanak yang selalu bermain di kawasan berkenaan.

Seorang lagi penduduk, Asmaniza Omar, 45, berkata, sepatutnya pemandu berkenaan meletakkan kenderaan mereka di kawasan lain yang lebih sesuai bagi memberi keselesaan kepada penduduk dan pengguna jalan raya di ta-

man perumahan itu.

Katanya, dari segi undang-undang, kenderaan berat dilarang diletakkan di kawasan perumahan, tepi jalan mahupun di taman permainan kerana ia memberi risiko kepada orang awam.

“Pemandu lori mestilah meletakkan kenderaan berat ini di kawasan depot lori yang disediakan syarikat mereka.

“Saya harap pihak bertanggungjawab mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah membelenggu penduduk di sini,” katanya.

Sementara itu, Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK Izad Zainal Muhammad Safian berkata, pihaknya boleh mengenakan kompaun kepada pemandu lori yang meletakkan kenderaan di kawasan perumahan.

FAKTA
Bimbang berlaku kemalangan terutama pada waktu malam